



NOTIS KAWALAN LALUAN PERGERAKAN HOSPITAL MIRI

Susulan peningkatan kes COVID-19, Hospital Miri mengambil langkah-langkah pencegahan berikut bagi mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pesakit, pelawat dan kakitangan hospital:-

1. Semua pesakit luar, pelawat dan kakitangan hospital hanya boleh menggunakan dua (2) laluan iaitu lobi utama dan laluan tengah (stesen bas).
2. Laluan yang berikut adalah **DITUTUP** sehingga pemakluman seterusnya:
 - i. Laluan Jabatan Kecemasan (ED) - Kebenaran terhad kepada pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan dan ibu mengandung.
 - ii. Laluan Jabatan Perubatan Forensik (*Mortuary*)
 - iii. Laluan Stor Farmasi
 - iv. Laluan Unit Pemulihan Cara kerja/Jabatan Kerja Sosial Perubatan
 - v. Laluan-laluan alternatif klinik-klinik pakar
3. Semua pesakit luar, pelawat dan kakitangan hospital **diwajibkan** untuk:-
 - i. menjalani saringan tahap kesihatan di laluan-laluan utama
 - ii. melakukan pencucian tangan (*hand hygiene*)
4. Sila maklumkan kepada staf bertugas:-
 - i. jika anda mengalami tanda-tanda seperti demam, selesema, batuk dan sesak nafas
 - ii. jika anda atau terdapat ahli keluarga terdekat telah melawati tempat-tempat terjejas dengan COVID-19

Sila beri kerjasama bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Terima kasih.

PENGURUSAN HOSPITAL MIRI
15 MAC 2020